

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK
YB. DATO SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

16 Adakah sebarang perancangan dan usaha menambahkan atau memantapkan perpustakaan biasa dan perpustakaan digital di KADUN Pantai Jerejak?

YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY

MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI

16 Kerajaan Negeri menerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) pada masa ini tidak mempunyai perancangan untuk menambah bilangan perpustakaan biasa yang sedia ada di KADUN Pantai Jerejak memandangkan di KADUN tersebut telah mempunyai empat perpustakaan dan dua hentian Perpustakaan Bergerak.

Jenis dan bilangan perpustakaan di KADUN Pantai Jerejak adalah seperti berikut:

(i) Dua (2) buah perpustakaan Desa Siber Ilmu iaitu di Batu Uban dan Sungai Ara (bawah pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang);

(ii) Sebuah perpustakaan desa di Kampung Jawa (bawah pengurusan Perpustakaan Negara Malaysia);

(iii) Satu unit perpustakaan bergerak memberi perkhidmatan di dua lokasi hentian iaitu Taman Seri Nibong dan Lebu Nipah 2;

(iv) Sebuah Perpustakaan Siber Ilmu Bayan Baru (tutup sementara dan masih mencari lokasi yang bersesuaian bagi menggantikan bangunan Mayang Mall yang telah diambil semula oleh Perbadanan Pembangunan

Negeri Pulau Pinang (PDC)

Bagi perancangan dan usaha menambahkan atau memantapkan perpustakaan digital di KADUN Pantai Jerejak, Kerajaan Negeri pada masa kini tidak mempunyai sebarang cadangan tersebut. Ini adalah kerana konsep perpustakaan digital melibatkan akses kepada bahan bacaan elektronik melalui sistem *online* dan boleh dilakukan dari mana-mana lokasi atau bangunan.